



# PERLEMBAGAAN MSAJ

# Kandungan

## *Mukasurat*

### Bahagian 1: Pengenalan

Artikel 1: Nama	3
Artikel 2: Takrif	3
Artikel 3: Tujuan	3-4
Artikel 4: Logo	4-5
Artikel 5: Bahasa Rasmi	5

### Bahagian 2: Ahli

Artikel 6: Kelayakan	5
Artikel 7: Keahlian	5-6
Artikel 8: Tanggungjawab Ahli	6-7
Artikel 9: Hak dan Keistimewaan Ahli	7

### Bahagian 3: Struktur Persatuan

Artikel 10: Struktur Persatuan	7-8
--------------------------------	-----

### Bahagian 4: Majlis Tertinggi

Artikel 11: Struktur Majlis Tertinggi	8-9
Artikel 12: Hak dan Tanggungjawab Majlis Tertinggi	9-10
Artikel 13: Hak dan Tanggungjawab Ahli Majlis Tertinggi	10-11
Artikel 14: Biro-Biro MSAJ	11-13

### Bahagian 5: Majlis Cawangan

Artikel 15: Struktur Majlis Cawangan	13-14
Artikel 16: Hak dan Tanggungjawab Majlis Cawangan	14
Artikel 17: Hak dan Tanggungjawab Ahli Majlis Cawangan	14-15

### Bahagian 6: Mesyuarat

Artikel 18: Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan	16
Artikel 19: Mesyuarat Tergempar	16-17

Bahagian 7: Disiplin	
Artikel 20: Disiplin	17-18
Bahagian 8: Perlembagaan	
Artikel 21: Pemindaan	19
Artikel 22: Tafsiran	20

## Bahagian 1: Pengenalan

### [Artikel 1] Nama

1. Persatuan ini hendaklah dikenali dengan nama **PERSATUAN KEBANGSAAN PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI JEPUN (PKPMJ)** atau dalam Bahasa Inggeris dikenali dengan nama **MALAYSIAN STUDENTS' ASSOCIATION IN JAPAN (MSAJ)**, atau dalam Bahasa Jepun 在日マレーシア留学生会.
2. Singkatan yang digunakan untuk semua bahasa adalah MSAJ.

### [Artikel 2] Takrif

1. “Persatuan” merujuk kepada **PERSATUAN KEBANGSAAN PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI JEPUN (PKPMJ)** atau dalam Bahasa Inggeris dikenali dengan nama *MALAYSIAN STUDENTS' ASSOCIATION IN JAPAN (MSAJ)*, atau dalam Bahasa Jepun 在日マレーシア留学生会.
2. “Perlembagaan” merujuk kepada Perlembagaan MSAJ.
3. “Kebangsaan” merujuk kepada MSAJ peringkat kebangsaan, iaitu yang berkaitan dengan MSAJ di seluruh Jepun.
4. “Cawangan” merujuk kepada MSAJ peringkat Cawangan. Senarai Cawangan mengikut susunan abjad:
  - 4.1 Hokuriku.
  - 4.2 Kansai.
  - 4.3 Kanto.
  - 4.4 Kyuma
  - 4.5 Tohoku.

### [Artikel 3] Tujuan

1. Menyatukan para pelajar warganegara Malaysia yang sedang menuntut di Jepun dan menanamkan semangat cinta dan bangga kepada negara Malaysia.

2. Menjaga kepentingan dan kebajikan ahli berdasarkan kemampuan Persatuan.
3. Memupuk semangat berpersatuan dan aktif dalam pelbagai bidang terutamanya yang melibatkan belia, selagi ianya tidak bercanggah dengan tujuan Persatuan..
4. Menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan persatuan atau pertubuhan lain selagi ianya tidak bercanggah dengan kepentingan negara Malaysia.
5. Menolong dan memberikan panduan kepada warganegara Malaysia yang ingin melanjutkan pelajaran di Jepun berdasarkan kemampuan Persatuan.
6. Memperkenalkan secara langsung atau tidak langsung negara Malaysia kepada masyarakat luar, terutamanya masyarakat Jepun.

#### [Artikel 4] Logo

1. Logo Persatuan adalah dua segitiga di mana salah satunya berada di dalam segitiga yang lagi satu. Kedua-dua segitiga tersebut mempunyai dua bucu menghala ke atas dan satu bucu menghala ke bawah. Bagi segitiga di sebelah dalam, terdapat empat garisan pada penjuru-penjuru sebelah atas dan lima garisan pada penjuru sebelah bawah, satu corak corak simitrikal pada bahagian tengahnya dan empat huruf Roman di bawah corak tersebut, iaitu huruf "M", "S", "A" dan "J". Di luar bucu bahagian bawah kedua-dua segitiga tersebut, terdapat garisan tebal ("bold") yang seakan-akan menyerupai huruf "V".
2. Dua versi Logo Persatuan adalah seperti berikut:
  - 2.1 Versi berwarna:



## 2.2 Versi hitam putih:



### [Artikel 5] Bahasa Rasmi

1. Bahasa rasmi yang digunakan oleh Persatuan adalah bahasa rasmi negara Malaysia.
2. Namun, penggunaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Jepun adalah dibenarkan dalam sebarang urusan.

### Bahagian 2: Ahli

#### [Artikel 6] Kelayakan

1. Keahlian terbuka kepada semua pelajar dan pelatih warganegara Malaysia yang menuntut atau menghadiri kursus di Jepun pada satu masa yang melebihi 6 (enam) bulan.

#### [Artikel 7] Keahlian

1. Pemohonan menjadi ahli hendaklah dibuat kepada Majlis Cawangan yang terdekat dengan menyerahkan borang permohonan dan yuran keahlian sebanyak ¥3000 (tiga ribu yen).
2. Jika permohonan itu ditolak oleh Majlis Cawangan, yuran keahlian hendaklah dikembalikan kepada pemohon.
3. Jika sesuatu permohonan itu diluluskan oleh Majlis Cawangan, kad keahlian dan resit penerimaan yuran keahlian hendaklah dihantar kepada ahli.

4. Keahlian akan dilupakan setelah ahli tamat pengajian atau kursus.
5. Bagi ahli yang bercadang untuk meneruskan pengajian ke peringkat seterusnya setelah tamat kursus pada masa kini, keahlian tidak akan luput dan tiada sebarang bayaran pendaftaran semula akan dikenakan.
6. Yuran pendaftaran semula akan dikenakan sebanyak ¥1,000 (satu ribu yen) bagi bekas ahli yang telah bekerja, tetapi ingin melanjutkan semula pelajaran dan menyertai kembali Persatuan.
7. Butir-butir peribadi ahli adalah hanya untuk tujuan perhubungan dan pengaliran informasi dan tidak dibenarkan untuk disalahgunakan oleh mana-mana pihak.

#### **[Artikel 8] Tanggungjawab Ahli**

1. Setiap ahli wajib membayar yuran keahlian dan menerima kad keahlian.
2. Setiap ahli wajib mematuhi Perlembagaan.
3. Ahli hendaklah menghormati sebarang keputusan yang dibuat oleh Majlis Cawangan dan sentiasa bekerjasama dengan Majlis Cawangan bagi menjamin kelicinan perjalanan Persatuan.
4. Ahli hendaklah berusaha menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan atau dibiayai oleh Persatuan dan sentiasa menyumbang dalam memantapkan Persatuan.
5. Ahli hendaklah sentiasa bertindak menjaga nama baik Persatuan dan negara Malaysia.
6. Ahli bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Majlis Cawangan yang disertainya mengenai sebarang perubahan pada maklumat peribadi.

7. Sekiranya berlaku pertukaran Cawangan, ahli wajib memaklukkannya kepada Majlis Cawangan yang lama dan baru dalam tempoh 1 (satu) bulan selepas perubahan
8. Persatuan tidak akan bertanggungjawab sekiranya perubahan maklumat yang tidak dimaklumkan menyebabkan perhubungan dan pengaliran informasi tidak tercapai.

### [Artikel 9] Hak dan Keistimewaan Ahli

1. Ahli Persatuan berhak mengambil bahagian di dalam sebarang aktiviti yang dianjurkan atau dibiayai oleh Persatuan.
2. Ahli Persatuan berhak menerima apa-apa faedah daripada Persatuan sekiranya ada dinyatakan.
3. Jika berlaku sesuatu kesulitan, ahli boleh menghubungi Persatuan untuk mendapatkan bantuan berdasarkan kemampuan Persatuan.
4. Hanya pelajar sepenuh masa sahaja boleh dipilih menjadi Ahli Majlis Cawangan.
5. Hanya ahli yang menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Tergempar mempunyai hak untuk memberi cadangan dan mengundi dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut.
6. Bukan ahli tidak layak menerima sebarang hak dan keistimewaan yang diberikan kepada ahli.

### Bahagian 3: Struktur Persatuan

#### [Artikel 10] Struktur Persatuan

1. Struktur Persatuan terdiri daripada “Penaung”, “Penasihat” “Majlis Tertinggi” dan “Majlis Cawangan”.



2. Penaung Persatuan adalah Kedutaan Besar Malaysia di Jepun.
3. Penasihat Persatuan adalah Penasihat Kedutaan, Pejabat Pendidikan dan Latihan, Kedutaan Besar Malaysia di Jepun dan bertanggungjawab memberi nasihat kepada Persatuan bagi memastikan Persatuan berjalan dengan lancar di samping menjaga kerjasama dan keharmonian di kalangan Ahli-ahli Majlis Cawangan
4. Majlis Tertinggi adalah badan berkuasa di peringkat Kebangsaan.
5. Majlis Cawangan adalah badan berkuasa di peringkat Cawangan

## Bahagian 4: Majlis Tertinggi

### [Artikel 11] Struktur Majlis Tertinggi

1. Majlis Tertinggi MESTILAH terdiri daripada:
  - 1.1 1 (satu) orang Pengerusi.
  - 1.2 1 (satu) orang Setiausaha Agung.
  - 1.3 Naib-naib Pengerusi.
  - 1.4 1 (satu) orang Bendahari Agung.
  - 1.5 1 (satu) orang Ketua Setiausaha.
  - 1.6 Ketua-Ketua Biro.
2. Biro-biro MSAJ adalah seperti berikut:
  - 2.1 Biro Pendaftaran.
  - 2.2 Biro Sistem Web dan Media
  - 2.3 Biro Kebajikan dan Komunikasi
  - 2.4 Biro Akademik dan Kerjaya.
  - 2.5 Biro Sukan dan Rekreasi.
  - 2.6 Biro Sosial dan Kebudayaan.
3. Pengerusi diikuti dengan Setiausaha Agung hendaklah dipilih di kalangan Presiden-presiden Cawangan mengikut undi majoriti oleh Ahli-ahli Induk dari setiap Majlis Cawangan.

4. Jawatan Naib-naib Pengerusi hendaklah dipegang oleh Presiden-presiden Cawangan yang tidak dilantik menjadi Pengerusi dan Setiausaha Agung Majlis Tertinggi.
5. Bendahari Agung dan Ketua Setiausaha hendaklah dipilih oleh dan di kalangan Bendahari-Bendahari dan Setiausaha-Setiausaha bagi setiap Majlis Cawangan berdasarkan undi majoriti.
6. Ketua-ketua Biro hendaklah dipilih oleh dan di kalangan ahli-ahli Biro masing-masing dari setiap Majlis Cawangan berdasarkan undi majoriti.
7. Pemilihan bagi jawatan-jawatan di dalam Majlis Tertinggi hendaklah dilakukan setelah ahli-ahli bagi semua Majlis Cawangan bagi satu-satu sesi telah dilantik, dan sebelum Mesyuarat Majlis Tertinggi yang pertama bagi sesi tersebut diadakan.
8. Sekiranya terdapat Ahli Majlis Tertinggi yang memegang jawatan di Majlis Tertinggi melalui pemilihan, telah mengosongkan jawatan, samada disebabkan oleh perletakan jawatan atau dilucutkan jawatan, pada peringkat Majlis Cawangan mahupun Majlis Tertinggi, maka tempat beliau di Majlis Tertinggi hendaklah diambil-alih oleh individu yang mendapat undi terbanyak selepas beliau.
9. Sekiranya lebih separuh daripada jumlah Ahli Majlis Tertinggi telah mengosongkan jawatan mereka di Majlis Tertinggi, pemilihan hendaklah diadakan semula bagi jawatan-jawatan yang berkaitan.

#### [Artikel 12] Hak dan Tanggungjawab Majlis Tertinggi

1. Bertanggungjawab terhadap pengurusan Persatuan secara keseluruhan dan membuat sebarang keputusan yang berkaitan dengannya.
2. Majlis Tertinggi juga hendaklah mengadakan Mesyuarat Majlis Tertinggi sekurang-kurangnya SEKALI dalam setahun.

3. Sekiranya individu selain Ahli-ahli Majlis Tertinggi hendak dibawa untuk menghadiri Mesyuarat Majlis Tertinggi, ianya hendaklah mendapat persetujuan majoriti Ahli-ahli Majlis Tertinggi. Namun, individu tersebut tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mengundi dan membuat keputusan.
4. Majlis Tertinggi hendaklah membuat sebarang keputusan berdasarkan undi majoriti Ahli-ahli Majlis Tertinggi.
5. Sebarang keputusan yang dibuat oleh Majlis Tertinggi adalah muktamad dan hendaklah dipatuhi oleh semua ahli tanpa mengira Cawangan.
6. Kuorum bagi Mesyuarat Majlis Tertinggi adalah separuh daripada jumlah Ahli Majlis Tertinggi, termasuk Presiden dan Setiausaha Agung.

#### [Artikel 13] Hak dan Tanggungjawab Ahli Majlis Tertinggi

1. Pengerusi
  - 1.1 Pengerusi Majlis Tertinggi adalah ketua bagi Persatuan di peringkat kebangsaan.
  - 1.2 Mengetuai urusan pentadbiran dan mewakili Persatuan di peringkat kebangsaan.
  - 1.3 Memanggil Mesyuarat Majlis Tertinggi dan mesyuarat-mesyuarat peringkat kebangsaan yang lain jika perlu.
  - 1.4 Mewakili Persatuan di mesyuarat-mesyuarat atau persidangan-persidangan yang melibatkan Persatuan dengan syarikat-syarikat, institusi-institusi pelajaran, pertubuhan-pertubuhan pelajar dan lain-lain, selagi ianya tidak bercanggah undang-undang bagi mana-mana negara dan Perlembagaan.
2. Setiausaha Agung
  - 2.1. Mengambil alih tugas Pengerusi ketika ketiadaan Pengerusi.
  - 2.2 Mengendalikan urusan surat-menyurat di antara Persatuan dengan syarikat-syarikat, institusi-institusi pelajaran, pertubuhan-pertubuhan pelajar dan lain-lain, selagi ianya tidak bercanggah undang-undang bagi mana-mana negara dan Perlembagaan.
  - 2.3 Menjadi jurucakap utama Persatuan.

3. Naib-naib Pengerusi.
  - 3.1 Membantu Pengerusi dan Setiausaha Agung dalam menjalankan tugas.
  - 3.2 Mengambil alih tugas Setiausaha Agung ketika ketiadaan Setiausaha Agung.
  - 3.3 Mengambil alih tugas Pengerusi dan Setiausaha Agung ketika ketiadaan kedua-duanya.
  
4. Ketua Setiausaha
  - 4.1 Merekod dan menyimpan semua mesyuarat yang diadakan oleh Cawangan.
  - 4.2 Menyediakan Laporan Tahunan MSAJ.
  - 4.3 Mengeluarkan notis mesyuarat kepada Ahli-ahli Majlis Tertinggi sekurang-kurangnya 3 (tiga) minggu sebelum Mesyuarat Majlis Tertinggi diadakan dengan memaklumkan masa, tarikh dan tempat mesyuarat dengan tepat
  
5. Bendahari Agung.
  - 5.1 Mengendalikan akaun bank peringkat kebangsaan.
  - 5.2 Menyediakan Laporan Kewangan MSAJ.
  - 5.3 Menyediakan Belanjawan Tahunan MSAJ.
  
6. Ketua-ketua Biro
  - 6.1 Mengetuai Biro-biro MSAJ dan mengendali pengurusan biro masing-masing.
  - 6.2 Ketua Biro berhak memanggil mesyuarat masing-masing untuk pengurusan biro dan laporan hendaklah dihantar kepada Ketua Setiausaha dalam tempoh 1 (satu) minggu selepas mesyuarat diadakan.
  
7. Juruaudit Agung hendaklah dilantik oleh Majlis Tertinggi untuk mengesahkan laporan kewangan yang disediakan oleh Bendahari Agung. Juruaudit Agung tidak boleh lebih daripada 2 (dua) orang.

#### [Artikel 14] Biro-biro MSAJ

1. Biro-biro MSAJ hendaklah disertai oleh Ahli-ahli Biro Cawangan, iaitu Ahli-ahli Biro dari setiap Majlis Cawangan.

2. Biro juga boleh disertai oleh ahli-ahli yang tidak memegang sebarang jawatan di mana-mana peringkat, selagi kemasukannya dipersetujui oleh majoriti ahli-ahli Biro. Ahli-ahli ini dikenali sebagai Ahli Lantikan.
3. Biro-Biro MSAJ hendaklah diketuai oleh Ketua Biro yang dilantik di kalangan Ahli-ahli Biro Cawangan sahaja.
4. Tanggungjawab dan bidang tugas Biro-biro adalah seperti berikut:
  - 4.1 Biro Pendaftaran
    - 4.1.1 Menguruskan hal ehwal pendaftaran ahli iaitu dengan menyediakan pangkalan data ahli, kad keahlian dan orientasi.
    - 4.1.2 Mengumpul yuran keahlian dari ahli untuk diserahkan kepada Bendahari serta mengeluarkan resit.
  - 4.2 Biro Sistem Web dan Media
    - 4.2.1 Mengendalikan laman web utama Persatuan ( [www.msaj.net](http://www.msaj.net) ) dan juga laman-laman web Cawangan.
    - 4.2.2 Menguruskan sistem “mailing list” Persatuan dan lain-lain hal yang berkaitan dengan sistem web dan media.
  - 4.3 Biro Kebajikan dan Komunikasi
    - 4.3.1 Biro ini bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan ahli dan memberi bantuan berdasarkan kemampuan Persatuan.
    - 4.3.2 Mengendalikan urusan perhubungan di antara Persatuan dengan syarikat-syarikat, institusi-institusi pelajaran, pertubuhan-pertubuhan pelajar dan lain-lain, selagi ianya tidak bercanggah undang-undang bagi mana-mana negara dan Perlembagaan.
  - 4.4 Biro Sukan dan Rekreasi.
    - 4.4.1 Menganjurkan aktiviti sukan dan rekreasi untuk Persatuan dan menguruskan hal-hal lain yang berkaitan.
  - 4.5 Biro Akademik dan Kerjaya.
    - 4.5.1 Memberikan informasi mengenai perkara-perkara berunsurkan akademik dan kerjaya untuk ahli-ahli Persatuan.

4.5.2 Memberi penerangan berhubung hal-hal pengajian dan kerjaya di Jepun kepada individu yang berminat.

4.6 Biro Sosial dan Kebudayaan.

4.6.1 Menggalakkan dan mengendalikan aktiviti sosial dan kebudayaan

## Bahagian 5: Majlis Cawangan

### [Artikel 15] Struktur Majlis Cawangan

1. Ahli-ahli Majlis Cawangan hendaklah dilantik pada Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan yang berkenaan.
2. Majlis Cawangan MESTILAH terdiri daripada:
  - 2.1 1 (satu) orang Presiden.
  - 2.2 1 (satu) orang Naib Presiden.
  - 2.3 1 (satu) orang Setiausaha.
  - 2.4 1 (satu) orang Bendahari.
  - 2.5 Ahli Biro Pendaftaran.
  - 2.6 Ahli Biro Sistem Web dan Media.
  - 2.7 Ahli Biro Kebajikan dan Komunikasi.
  - 2.8 Ahli Biro Sukan dan Rekreasi.
  - 2.9 Ahli Biro Akademik dan Kerjaya.
  - 2.10 Ahli Biro Sosial dan Kebudayaan.
3. Presiden, Naib Presiden, Setiausaha dan Bendahari adalah Ahli-ahli Induk bagi Majlis Cawangan.
4. Ahli-ahli bagi setiap Biro tidak boleh melebihi daripada 2 (dua) orang.
5. Ahli-ahli Induk dibenarkan untuk menjadi ahli bagi salah satu Biro.
6. Juruaudit hendaklah dilantik untuk mengesahkan Laporan Kewangan Cawangan yang disediakan oleh Bendahari. Juruaudit tidak boleh lebih daripada 2 (dua) orang.

7. Cawangan dibenarkan untuk mewujudkan jawatan-jawatan lain sekiranya tidak tersenarai di dalam Artikel 16-2, melalui undi majoriti Ahli Majlis Cawangan.
8. Majlis Cawangan dibenarkan untuk melantik wakil-wakil kawasan atau universiti sekiranya dirasakan perlu.

#### [Artikel 16] Hak dan Tanggungjawab Majlis Cawangan

1. Menerima atau menolak sebarang permohonan menjadi ahli Persatuan yang didaftarkan melalui Cawangan dan mengeluarkan kad keahlian kepada pemohon yang lulus.
2. Mempunyai kuasa bertindak bagi pihak Persatuan pada peringkat Cawangan.
3. Berhak mengambil sebarang tindakan yang sesuai terhadap ahli Persatuan yang berdaftar melalui Cawangan berkenaan sekiranya ahli tersebut bertindak merosakkan kepentingan Persatuan.
4. Mempunyai kuasa merancang segala aktiviti pada peringkat Cawangan.
5. Mempunyai kuasa mewujudkan jawatankuasa kecil yang difikirkan perlu.
6. Keputusan Majlis Cawangan mengenai segala perkara yang berkaitan dengan Persatuan pada peringkat Cawangan adalah muktamad dan hendaklah dihormati oleh setiap ahli bagi Cawangan terbabit.
7. Kuorum untuk Mesyuarat Majlis Cawangan adalah separuh daripada jumlah Ahli Majlis Cawangan, termasuk Presiden dan Setiausaha.

#### [Artikel 17] Hak dan Tanggungjawab Ahli Majlis Cawangan

1. Presiden
  - 1.1. Presiden Cawangan adalah ketua bagi Persatuan di peringkat Cawangan.
  - 1.2. Mengetuai urusan pentadbiran dan mewakili Persatuan di peringkat Cawangan.

- 1.3. Mewakili Majlis Cawangan dalam urusan peringkat kebangsaan dan luar Cawangan.
  - 1.4. Memanggil dan mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan dan semua Mesyuarat Majlis Cawangan.
  - 1.5. Menandatangani segala minit mesyuarat untuk diluluskan.
2. Naib Presiden
    - 2.1 Menolong Presiden mengendalikan tugas-tugas persatuan.
    - 2.2 Menjalankan tugas Presiden semasa ketiadaan Presiden.
3. Setiausaha
    - 3.1. Setiausaha hendaklah merekod dan menyimpan semua minit mesyuarat yang diadakan oleh Majlis Cawangan.
    - 3.2. Menyediakan Laporan Tahunan Cawangan.
    - 3.3. Mengeluarkan notis mesyuarat kepada Ahli-ahli Majlis Cawangan sekurang-kurangnya 48 (empat puluh lapan) jam sebelum mesyuarat diadakan.
    - 3.4. Mengeluarkan surat pekeliling Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan sekurang-kurangnya 3 (tiga) minggu sebelum mesyuarat tersebut diadakan dengan memaklumkan masa, tarikh dan tempat mesyuarat dengan tepat
4. Bendahari
    - 4.1. Mengendalikan akaun bank Cawangan.
    - 4.2. Menyediakan Belanjawan Tahunan Cawangan.
    - 4.3. Menyediakan Laporan Kewangan Pertengahan Tahun dan Laporan Kewangan Tahunan Cawangan
    - 4.4. Mengumpul
5. Tanggungjawab ahli-ahli Biro adalah seperti yang tertakluk pada Artikel 15. Namun, bidang kuasa ahli-ahli Biro adalah hanya di peringkat Cawangan sahaja.



## Bahagian 6: Mesyuarat

### [Artikel 18] Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan

1. Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan hanya boleh diadakan hanya sekali bagi setiap sesi.
2. Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan bagi satu-satu sesi hendaklah diadakan dalam tempoh 18 bulan dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan yang lalu.
3. Pemilihan untuk Majlis Cawangan hendaklah diadakan pada Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan.
4. Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan hendaklah meluluskan laporan kewangan yang telah disahkan oleh Juruaudit dengan undi majoriti.

### [Artikel 19] Mesyuarat Tergempar

1. Mesyuarat Tergempar Kebangsaan boleh diadakan sekiranya terdapat permintaan bertulis daripada sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah Ahli Majlis Tertinggi dan dipersetujui oleh Penasihat Persatuan.
2. Mesyuarat Tergempar Kebangsaan berkuasa untuk:
  - 2.1 Membincangkan perkara-perkara yang pada pendapat Majlis Tertinggi perlu dibincangkan bersama-sama Ahli-ahli Majlis Tertinggi pada kadar yang segera.
3. Mesyuarat Tergempar Cawangan boleh diadakan sekiranya terdapat permintaan bertulis daripada sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah Ahli Majlis Cawangan dan dipersetujui oleh Penasihat Persatuan.
4. Surat panggilan ke Mesyuarat Tergempar Cawangan hendaklah diedarkan kepada kesemua ahli Cawangan tidak kurang daripada 1 (satu) minggu sebelum Mesyuarat Tergempar Cawangan dijadual untuk diadakan.
5. Mesyuarat Tergempar Cawangan berkuasa untuk:
  - 5.1 Membincangkan perkara-perkara yang pada pendapat Majlis Cawangan,

perlu dibincangkan bersama-sama ahli-ahli Cawangan pada kadar yang segera.

- 5.2 Melantik pengganti kepada ahli Majlis Cawangan yang didapati melakukan kesalahan disiplin atau yang didapati tidak mematuhi Perlembagaan.
- 5.3 Membubarkan Majlis Cawangan yang lama dan melantik Majlis Cawangan yang baru setelah mendapat undi majoriti 2/3 daripada ahli-ahli Cawangan yang hadir.

## Bahagian 7: Disiplin

### [Artikel 20]: Disiplin

1. Sekiranya didapati bahawa seseorang Ahli Majlis Tertinggi atau Majlis Cawangan, tidak menjalankan tugasnya dengan baik atau telah menyalahgunakan kuasa yang dimiliki dalam Persatuan, aduan boleh dikemukakan ke Majlis Tertinggi atau Majlis Cawangan yang berkaitan secara notis bertulis.
2. Sekiranya didapati bahawa seseorang ahli Persatuan tidak mematuhi Perlembagaan atau menghadapi masalah disiplin, aduan juga boleh dikemukakan ke Majlis Tertinggi atau Majlis Cawangan yang berkaitan secara notis bertulis.
3. Jawatankuasa Siasatan dan Pengadilan hendaklah diwujudkan di peringkat Kebangsaan atau Cawangan untuk menjalankan siasatan dan pengadilan.
4. Ahli-ahli Majlis Tertinggi yang tidak menghadapi sebarang pertuduhan berhak untuk menganggotai Jawatankuasa Siasatan dan Pengadilan peringkat Kebangsaan, manakala Ahli-ahli Majlis Cawangan yang tidak menghadapi sebarang pertuduhan berhak untuk menganggotai Jawatankuasa Siasatan dan Pengadilan peringkat Cawangan.
5. Sekiranya perlu, siasatan boleh dibawa ke Penasihat Persatuan.
6. Sekiranya didapati bersalah, hukuman hendaklah ditentukan oleh Jawatankuasa Siasatan dan Pengadilan atau Penasihat Persatuan berdasarkan undi majoriti Jawatankuasa Siasatan dan Pengadilan.

7. Ahli Majlis Tertinggi atau Majlis Cawangan yang tidak menghadiri diri ke mesyuarat (yang mana berkaitan) sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa sebab yang munasabah boleh dilucutkan jawatannya sekira didapati berpatutan berdasarkan undi majoriti Jawatankuasa Siasatan dan Pengadilan.
8. Ahli Majlis Tertinggi atau Majlis Cawangan yang tidak melaksanakan tugasnya dengan baik walaupun telah diberi amaran sebanyak dua kali boleh dilucutkan jawatan sekiranya Jawatankuasa Siasatan dan Pengadilan merasakan ianya wajar dan pelucutan tersebut telah mendapat undi majoriti Jawatankuasa Siasatan dan Pengadilan.
9. Sekiranya terdapat Ahli Majlis Tertinggi yang dilucutkan jawatan berikutan kesalahan disiplin, prosedur seterusnya adalah seperti yang tertulis pada Artikel 11.8.
10. Sekiranya terdapat Ahli Majlis Cawangan yang dilucutkan jawatan berikutan kesalahan disiplin, Majlis Cawangan boleh memilih salah satu daripada berikut :
  - 10.1 Melantik Pemangku dikalangan ahli-ahli Jawatankuasa terbabit berdasarkan undi majoriti, mengikut peringkat masing-masing.
  - 10.2 Memanggil Mesyuarat Tergempar bagi membenarkan ahli-ahli Cawangan melantik pengganti.
11. Sekiranya terdapat ahli yang dilucutkan keahlian berikutan kesalahan disiplin, ahli tersebut tidak dibenarkan menyertai Persatuan semula dan tidak dibenarkan hak keistimewaan dalam Persatuan, kecuali mempunyai alasan yang munasabah dan mendapat kebenaran Majlis Tertinggi.
12. Sekiranya didapati bahawa tuduhan tersebut adalah palsu dan tidak berasas, hukuman ke atas penuduh boleh dicadangkan, berdasarkan undi majoriti Majlis Tertinggi untuk peringkat Kebangsaan atau Majlis Cawangan untuk peringkat Cawangan.

## Bahagian 8: Perlembagaan

### [Artikel 21] Pemindaan

1. Hanya Ahli Majlis Cawangan yang layak mengusulkan pindaan pada Perlembagaan dan usul itu hendaklah dicadangkan kepada Majlis Cawangan beliau terlebih dahulu untuk dibahaskan.
2. Usul pindaan pada Perlembagaan oleh Ahli Majlis Cawangan hanya boleh dibahaskan sekiranya mendapat sokongan oleh dua orang lagi Ahli Majlis Cawangan dari Cawangan yang sama.
3. Usul pindaan dikira lulus pada peringkat Majlis Cawangan sekiranya mendapat undi menyokong tidak kurang daripada  $\frac{2}{3}$  jumlah Ahli Majlis Cawangan yang hadir pada perbahasan usul pindaan tersebut.
4. Usul pindaan yang diluluskan pada peringkat Majlis Cawangan hendaklah dibawa ke Majlis Tertinggi untuk perbahasan lanjut dalam tempoh 2 (dua) minggu setelah ianya diluluskan di Majlis Cawangan.
5. Usul pindaan yang diluluskan pada peringkat Majlis Tertinggi melalui undi majoriti hendaklah diedarkan ke semua Majlis Cawangan dalam tempoh seminggu untuk perbahasan di setiap Cawangan.
6. Perbahasan di setiap Cawangan hendaklah diadakan untuk tempoh 2 (dua) minggu, dan pengundian bagi semua Cawangan hendaklah dilakukan serentak pada satu tarikh yang dipersetujui oleh Majlis Tertinggi.
7. Usul pindaan yang mendapat undi menyokong tidak kurang daripada  $\frac{2}{3}$  jumlah ahli bagi kesemua Majlis Cawangan dikira lulus dan berkuatkuasa sebulan selepas usul pindaan tersebut diluluskan.
9. Penasihat dan semua ahli Persatuan hendaklah dimaklumkan mengenai pindaan itu dalam tempoh sebulan selepas usul pindaan tersebut diluluskan.

## [Artikel 22] Tafsiran

Sekiranya terdapat kekeliruan terhadap sebarang bahagian pada Perlembagaan, tafsiran yang diberi oleh Majlis Tertinggi adalah muktamad.